

PM seru rakyat desa ubah corak kerja

BM 5 OCT 1983

LABUAN, Sabtu — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyeru penduduk desa supaya bersedia mengubah corak hidup dan pekerjaan mereka bagi meningkatkan pendapatan dan

masa depan.

Perdana Menteri berkata, mereka akan hidup lebih selesa di kawasan-kawasan penempatan baru kerana ia disediakan dengan pelbagai kemudahan awam.

Menurutnya, petani dan nelayan akan le-

bih terjamin masa depan mereka jika sanggup menukar kerja ke kilang-kilang perusahaan, sekiranya pekerjaan berladang dan menangkap ikan sekarang tidak lagi ekonomik.

"Kita perlu sanggup mengubah cara hidup lama untuk kebahagiaan

di masa depan," kata Datuk Seri Dr Mahathir ketika merasmikan Bandar Baru Layang-Layangan, 15 km dari sini.

Bandar baru 14 hektar itu menempatkan hampir 200 unit rumah teres harga murah satu tingkat dan rumah kembar dua tingkat. Fasa pertama telahpun didiami.

Kemudahan-kemudahan asas yang disediakan termasuk tujuh unit kedai, pusat pelbagaiguna dan panggung wayang.

Bimbang

Perdana Menteri berkata, kerajaan bimbang

jika-rakyat tidak sedia menyahut perubahan, seperti bekerja di kilang-kilang yang banyak terdapat di negara ini orang asing akan mengambil peluang pekerjaan di situ dan ia kelak merugikan penduduk tempatan.

Mengenai tanah, beliau kesal kerana ramai penduduk Melayu di bandar tidak tahu menggunakannya dengan cara yang boleh memberikan hasil secukupnya.

"Di Pulau Pinang, misalnya, tanah mereka yang berharga \$100,000, didirikan rumah berharga \$10,000. Jika mereka gunakan tanah itu sebaik-baiknya, masa depan mereka tentu akan bertambah baik," ujarnya.